

Bertujuan eksloitasi sentimen pembangkang untuk kepentingan sendiri
Dana asing jayakan pluralisme, liberalisme

Oleh HUSSAINI AMRAN

pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 13 Sept. - Penyaluran dana oleh pihak luar kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO), media alternatif dan parti politik tertentu di negara ini bertujuan menumbangkan UMNO yang dianggap sebagai tembok penghalang agenda pluralisme dan liberalisme yang mereka perjuangkan.

Penganalisis politik, Prof. Madya Datuk Dr. Zainal Abidin Borhan berkata, penyumbang dana asing itu ingin mengeksploitasi sentimen pembangkang yang dibangkitkan oleh NGO, media alternatif dan parti politik terbabit semata-mata untuk kepentingan mereka sendiri.

Menurut beliau, penerima-penerima dana asing tersebut seterusnya akan diperalatkan bagi menimbulkan kebencian rakyat terhadap parti pemerintah iaitu UMNO dan Barisan Nasional (BN).

“Pihak-pihak terbabit mendakwa kononnya berjuang untuk menegakkan kebebasan awam sedangkan niat sebenar mereka adalah menghapuskan keyakinan rakyat terhadap kerajaan yang memerintah sekarang.

“Dalam masa sama, mereka berusaha mengurangkan akidah Islam dan sensitiviti orang Melayu terhadap isu-isu berkaitan bangsa sendiri,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas tindakan beberapa NGO dan individu yang mendesak pihak berkuasa mengambil tindakan tegas terhadap dakwaan penyaluran dana asing kepada Suara Rakyat Malaysia (Suaram), portal berita pro-pembangkang *Malaysiakini* dan Parti Keadilan Rakyat (PKR).

Suaram diketuai oleh Pengarahnya, Kua Kia Soong dan penggeraknya terdiri daripada pemimpin PKR iaitu wakil rakyat parti itu, R. Sivarasa (Ahli Parlimen Subang), Tian Chua (Ahli Parlimen Batu), Elizabeth Wong (Ahli Dewan Undangan Negeri Bukit Lanjan) dan Dr. Nasir Hashim (Ahli Dewan Undangan Negeri Kota Damansara).

Turut terlibat dalam Suaram ialah Ahli Dewan Negara, Senator Dr. Syed Husin Ali dan peguam Charles Hector, Cynthia Gabriel, Irene Fernandez, Irene Xavier serta Ketua Pegawai Eksekutif *Malaysiakini*, Premesh Chandran.

Tambah Zainal Abidin, fahaman pluralisme dan liberalisme akhirnya akan disebarluaskan secara meluas di negara ini setelah UMNO yang memperjuangkan agenda Melayu dan Islam ditewaskan.

Pensyarah di Jabatan Pengajian, Kene-garaan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Jayum Jawan memberitahu, menerima dana asing khususnya oleh parti politik boleh menyebabkan nikmat kemerdekaan yang dikehendaki selama ini tergadai.

“Penyumbang dana pasti ada agenda tertentu ingin dilaksanakan sekiranya parti politik yang ditaja berjaya membentuk kerajaan,” katanya.